



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat secara bersiri seperti mana amalan tahun-tahun sebelumnya. LKAN Tahun 2019 Siri 2 merupakan pembentangan pertama di Dewan Rakyat pada tahun 2021. Pada asalnya LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini dijadual untuk dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Mac 2021. Namun disebabkan sidang Dewan Rakyat tidak dapat diadakan seperti mana jadual asal yang ditetapkan berikutan pengisytiharan darurat pada 12 Januari 2021, keadaan ini turut memberi kesan kepada jadual pembentangan LKAN.
2. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan Audit yang dilaporkan dalam LKAN ini

masih relevan dalam menambah baik pengurusan aktiviti/projek/program oleh kementerian/jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Persekutuan dan negeri. Jabatan Audit Negara juga telah menambah baik persembahan LKAN pada kali ini dengan menyediakan Ringkasan Penemuan Audit secara infografik bagi merumuskan hasil pengauditan secara keseluruhannya. Persembahan secara infografik diharap dapat membantu pembaca mendapatkan maklumat penting hasil daripada pengauditan yang dijalankan secara cepat dan tepat.

3. Laporan yang dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu pada 28 September 2021 terdiri daripada 15 naskhah seperti berikut:

3.1. Dua naskhah LKAN peringkat Persekutuan iaitu:

- (a) LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; dan
- (b) LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

3.2. 13 naskhah LKAN peringkat negeri, iaitu LKAN Tahun 2019 Siri 2 bagi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

4. Pada hari pembentangan, Jabatan Audit Negara juga memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama penemuan Audit yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.

5. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

5.1. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

- (a) Pengauditan prestasi terhadap aktiviti Kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 6 (d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti/projek/program Kerajaan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek/program ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- (b) Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2, sebanyak 17 pengauditan prestasi bernilai RM90.635 bilion telah dilaksanakan melibatkan 17 jabatan/bahagian, satu syarikat milik kerajaan dan empat Badan Berkanun Persekutuan/agensi di bawah 13 kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tujuh pengauditan melibatkan kategori program/aktiviti, lima pengauditan melibatkan kategori projek, tiga pengauditan melibatkan sistem ICT manakala

satu pengauditan masing-masing untuk kategori perolehan dan penyenggaraan.

- (c) Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti/projek/program Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat isu ketidakcekan dan ketidakakuran serta kelemahan dalam pengurusan aktiviti/projek/program yang menjejaskan kecekapan dan keberkesannya untuk menghasilkan output, keberhasilan dan impak seperti yang diharapkan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 62 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian/jabatan/agensi Persekutuan yang diaudit.

5.2. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

- (a) LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 Siri 2 mengandungi hasil pengauditan terhadap tujuh syarikat Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017 serta skop pengauditan yang dinyatakan dalam laporan. Objektif pengauditan adalah untuk menilai pencapaian objektif penubuhan syarikat melalui tiga aspek iaitu tadbir urus

korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.

- (b) Secara keseluruhannya, lima syarikat telah mencapai objektif penubuhan syarikat manakala dua syarikat masih belum mencapai objektif penubuhan sepenuhnya. Bagi amalan tadbir urus korporat yang baik, satu syarikat di tahap yang baik; lima syarikat di tahap memuaskan; dan satu syarikat kurang memuaskan. Bagi penilaian terhadap kedudukan kewangan, lima syarikat berada pada tahap stabil manakala dua syarikat menunjukkan kedudukan kewangan yang kurang stabil.
- (c) Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil, sebanyak 41 syor telah dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat berkenaan untuk dipertimbangkan pelaksanaannya.

5.3. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri


- (a) Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 21 program/aktiviti/projek yang melibatkan 26 jabatan dan 10 agensi Kerajaan negeri. Selain itu, pengauditan pengurusan syarikat telah dijalankan terhadap 11 syarikat kerajaan negeri. Keseluruhan bilangan laporan dalam LKAN pada kali ini adalah 32.

- (b) Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 130 syor, iaitu 88 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh jabatan/agensi negeri serta 42 syor oleh syarikat kerajaan negeri yang berkenaan.
6. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.
7. LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; dan LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 28 September 2021 selepas jam 10.05 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri hanya akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri masing-masing.
8. Isu-isu LKAN Tahun 2019 Siri 2 juga akan dimuat naik di Portal *Auditor General's Dashboard* (AGD) pada 28 September 2021 mulai

jam 10.30 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

28 September 2021 M
21 Safar 1443 H



LKAN 2019 Siri 2 & Infografik boleh diakses melalui QR Code ini selepas jam 10.05 pagi (28 September 2021)